

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah tarikh pembinaan balai bomba Engkilili/Lubok Antu seperti yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dimulakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), telah pun memiliki tapak tanah seluas 0.54 hektar di kawasan Engkilili untuk tujuan pembinaan balai bomba kategori E. Rancangan pembangunan balai bomba di kawasan Engkilili telah dimasukkan ke dalam perancangan RMKe-12 mengikut keutamaan. Pada masa kini, kawasan Engkilili mendapat khidmat perlindungan kebakaran daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Engkilili dengan keanggotaan seramai 32 orang ahli yang dilengkapi dengan pam angkut, peralatan pemadaman serta peralatan perlindungan diri (PPE) yang disediakan oleh JBPM Negeri Sarawak.

Berhubung keperluan pembinaan balai bomba di kawasan Lubok Antu pula, KPKT melalui JBPM telah mengenal pasti dan sedang memohon untuk mendapatkan tapak tanah seluas 1.77 hektar bagi membina sebuah balai bomba kategori E. Pada masa yang sama, permohonan pembinaan balai bomba di kawasan Lubok Antu telah dibuat dalam *Rolling Plan 2*, Tahun 2022. KPKT kini sedang menunggu pertimbangan kelulusan daripada agensi pusat. Sekiranya diluluskan, Balai Bomba dan Penyelamat Lubok Antu, Sarawak akan dapat dibina pada tahun 2022 dan dijangka siap pada tahun 2023.

Pada masa kini, kawasan Lubok Antu mendapat perkhidmatan perlindungan kebakaran daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Lubok Antu dengan kekuatan keanggotaan seramai 41 orang ahli yang dilengkapi dengan sebuah pacuan empat roda, peralatan pemadaman dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang juga disediakan oleh JBPM Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.